

TDM santuni 800 Huffaz negeri Terengganu



Kesemua para Huffaz terlibat berhimpun dibawah satu bumbung untuk merealisasikan impian 'Baladun Toyyibatun Wa Robbun ghofur' kerajaan negeri.

KUALA TERENGGANU – Penghujung Ramadan baru-baru ini, TDM Berhad telah bekerjasama dengan Institut Modal Insan Terengganu Sejahtera (i-MiTS) menyantuni 800 Huffaz di program Himpunan Huffaz 3.0 bertempat di Madinah Ramadan, Dataran Drawbridge. Himpunan ini berjaya mengumpulkan anak-anak berusia 12 hingga 17 tahun dari sekolah bawah Yayasan Terengganu, sekolah bawah Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu dan Sekolah Agama Tahfiz Swasta. Himpunan ini telah dirasmikan oleh YB. Ustaz Mohd Nor bin Hamzah, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Dakwah dan Penerangan.

Haji Najman Kamaruddin, Pengarah Eksekutif TDM berkata, "TDM menyambut baik misi dan visi Kerajaan Negeri Terengganu untuk menterjemahkan impian 'Baladun Toyyibatun Wa Robbun ghofur' dapat direalisasikan dengan penuh kesedaran dan bertanggungjawab. TDM melalui i-MiTS berbesar hati dapat mengumpulkan para Huffaz yang merupakan salah satu inisiatif ke arah pemantapan modal insan. Semoga program tanggungjawab sosial korporat (CSR) TDM ini dapat memanfaatkan semua pihak

dalam usaha untuk memartabatkan Pendidikan tahfiz di Negeri Terengganu seterusnya menjayakan sasaran kerajaan untuk melahirkan lebih ramai huffaz profesional menjelang 2050".

Pengisian program yang bermula dari jam 2 petang sehingga jam 10 malam dengan santapan Zikir Qurani, Majlis Khatam Al-Quran dan tahlil, tazkirah, majlis iftar dan di akhiri dengan solat berjemaah maghrib dan isyak serta Tarawih. Jemputan khas dengan kupasan dan perkongsian yang menarik menampilkan Prof. Madya Dr. Nor Hafizi Yusof, Pensyarah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Ustaz Abdul Hadi Che Ab Halim, Bilal Masjid Sultan Zainal Abidin.

"Terima kasih kepada TDM di atas sokongan dan sumbangan yang diberikan dalam menjayakan majlis ini. Kita mahu melahirkan generasi pelajar yang berkemahiran dan dalam masa yang sama juga adalah penghafaz Al-Quran supaya mereka mampu menjadi pemimpin berkualiti yang berteraskan nilai Islam. Tanggapan masyarakat bahawa individu lulusan pendidikan tahfiz dan golongan huffaz hanya sesuai menceburi kerjaya dalam bidang berkaitan agama sahaja harus diperb-



Dari kiri, Ustaz Haji Kamaruzamaan (Pengarah, i-MiTS), YB. Ustaz Mohd Nor (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Dakwah dan Penerangan) dan Puan Norfar'izan (Ketua, Komunikasi Korporat TDM)

etulkan. Ramai huffaz telah menceburi kerjaya profesional seperti doktor, peguam, malah ada memilih dunia perniagaan dan mampu bergelar usahawan berjaya," kata YB. Ustaz Mohd Nor bin Hamzah, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Dakwah dan Penerangan.

Tambahnya lagi, "Para huf-

faz memainkan peranan penting dalam menyampaikan kalam Allah. Kalau kita renung semula sejarah sewaktu ramainya huffaz yang syahid di medan perang ketika zaman pemerintahan Saidina Abu Bakar, beliau telah memanggil para huffaz yang berbaki untuk melaksanakan projek pembukuan Al-Quran agar ia tidak

hilang begitu sahaja dengan wafatnya para huffaz."

TDM berharap program sebegini dapat mencungkil permata baru terutamanya dari kalangan anak muda untuk mendekati diri dengan kitab suci Al-Quran sekaligus dapat melahirkan lebih ramai para huffaz profesional di masa akan datang. - TDM/HFR